



JANS

PANDUAN MENGISI BORANG JANS 1(a)
BAGI PERMOHONAN LESEN DAN PINDAAN MAKLUMAT

I. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam Garis Panduan Permohonan Notis Pendaftaran Lesen sebelum mengisi borang.

II. Borang ini hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM** atau bertaip dan ditulis menggunakan **HURUF BESAR**.

III. Berikut adalah panduan borang bagi bahagian-bahagian utama di dalam borang permohonan JANS 1(a) iaitu :

A. JENIS PERMOHONAN

Tandakan (/) jenis permohonan yang berkenaan. Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** sebelum tarikh luput pendaftaran lesen.

B. JENIS LESEN

- Jenis Lesen Kemudahan – sekiranya pemohon merupakan pemilik sistem bekalan air
- Jenis Lesen Perkhidmatan – sekiranya pemohon merupakan pengendali sistem bekalan air
- Kemudahan dan Perkhidmatan bekalan air dipegang oleh entiti yang sama
- Pemohon hendaklah mengisi Borang JANS 1(a) dan 1(b) sekiranya pemohon merupakan pemilik dan pengendali sistem.
- Pemilik sistem adalah merujuk kepada pemilik/pemajak tanah berdasarkan rekod ketuanpunyaan tanah atau lain-lain dokumen.

C. MAKLUMAT SISTEM

Lengkapkan dengan maklumat merujuk dokumen kelulusan pembinaan sistem bekalan air seperti surat perakuan pematuhan (COC), certificate of completion & compliance (CCC)/ certificate of fitness (CF), surat kelulusan atau lain-lain dokumen

D. MAKLUMAT PEMOHON

Lengkapkan dengan maklumat sebagaimana di dalam dokumen pengenalan pemohon seperti kad pengenalan atau dokumen pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau dokumen perakuan pendaftaran yang relevan

E. SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN

Tandakan (/) dokumen sokongan yang disertakan.

F. PENGAKUAN OLEH PEMOHON

Pemohon dikehendaki menurunkan tandatangan berserta cop rasmi syarikat bersama tarikh permohonan

IV. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap (sila rujuk senarai semak)

Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan bagi Permohonan Lesen Kemudahan adalah seperti berikut :

NO	SENARAI DOKUMEN	BARU	PEMBAHARUAN
1	Borang A (2 Salinan)		
	Borang JANS 1(a) – Butiran Permohonan (2 Salinan)		
	*Borang JANS 2 – Laporan Kualiti Air / Efluen (1 Salinan)		
	Borang JANS 3 - Akuan Berkanun (<i>jika tiada dokumen seperti no 5(i) & 5(ii)</i>)		
	*Borang JANS 4 - Keselamatan Fizikal		
2	(a) Borang 9 - Perakuan Perbadanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
	(b) Borang 13 – SSM (<i>jika ada pertukaran</i>)		
	(c) Borang D - Pendaftaran perniagaan SSM (<i>Milik Tunggal / perkongsian</i>)		
	(d) Kad Pengenalan Atau Passport (<i>disahkan benar</i>)		
3	* Surat lantikan atau salinan perjanjian lantikan kontraktor untuk mengendalikan sistem persendirian		
4	Surat Permohonan / Surat Kelulusan ambilan air mentah daripada Kerajaan Negeri / Daerah		
5	Sistem Dibina Selepas EBAS 2003		
(i)	Sistem Bekalan Air Persendirian - Surat kelulusan daripada JANS		
5 (ii)	Sistem Dibina Sebelum EBAS 2003 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) / Sijil Layak Menduduki (CF) / Surat Pengesahan Siap Kerja (LOC) yang dikeluarkan Pihak Berkua Tempatan (PBT) / Reka Bentuk Loji Rawatan Air		
6	* Laporan Kualiti Air Mentah & Terawat mematuhi standard kualiti minimum KKM daripada makmal luar yang diiktiraf.		
7	* Laporan Kualiti Efluen mematuhi undang-undang alam sekitar.		
8	Salinan notis pendaftaran yang terdahulu.		

Nota :

*Dokumen sokongan diperlukan sekiranya terdapat sebarang perubahan atau tidak pernah dikemukakan kepada JANS

^Stesen pam dikecualikan

*jika berkenaan

V. Untuk permohonan pindaan maklumat, pemohon dikehendaki mengisi semula Borang JANS 1(a) atau JANS 1(b) atau kedua-duanya dan mengemukakan dokumen sokongan termasuk surat sumpah (jika perlu) bagi permohonan pindaan maklumat yang hendak dibuat untuk dipertimbangkan oleh pihak JANS.